

Bil. S 43

**AKTA PERJALANAN UDARA
(PENGAL 113)**

**UNDANG-UNDANG KECIL
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (2) bab 3 dari Akta Perjalanan Udara, maka Pengarah Penerbangan Awam dengan kebenaran Menteri Perhubungan dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran. 1. Undang-undang kecil ini boleh digelar sebagai Undang-Undang Kecil Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, 1999.

Takrifan. 2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Lapangan Terbang” bermakna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei;

“pegawai lapangan terbang” bermakna seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah Penerbangan Awam untuk melaksanakan tugas-tugas tertentu di bawah undang-undang kecil ini;

“sebelah udara” bermakna kawasan-kawasan di dalam lingkungan pagar keselamatan dan di sebelah lapangan terbang yang ada sebarang halangan keselamatan;

“pegawai yang diberi kuasa” bermakna mana-mana pegawai Jabatan Penerbangan Awam atau mana-mana orang yang sempurna diberi kuasa oleh Pengarah untuk bertindak bagi pihaknya;

“Pengarah” bermakna Pengarah Penerbangan Awam dan termasuk seseorang pegawai lapangan terbang;

“sebelah darat” bermakna kawasan-kawasan yang bukan sebelah udara;

“kawasan olahgerak” bermakna bahagian aerodrom yang disediakan untuk pesawat udara mendarat dan berlepas termasuk zon-zon keselamatan di sekelilingnya dan *taxiway* tidak termasuk

mana-mana bahagian aerodrom yang disediakan bagi mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang, memuat dan memunggah kargo, menyenggara atau meletak pesawat udara;

"kawasan pergerakan" bermakna bahagian aerodrom yang disediakan untuk pesawat udara mendarat dan berlepas, mengambil dan menurunkan penumpang-penumpang, memuat dan memunggah kargo, menyenggara atau meletak pesawat udara;

"meletak" bermakna membawa sesebuah kenderaan kedudukan tidak bergerak dan menyebabkannya menunggu untuk sebarang tujuan selain dari tujuan mengambil atau menurunkan dengan segera penumpang-penumpang, barang-barang atau bagasi;

"kawasan larangan" bermakna bahagian aerodrom di mana tiada sesiapa pun dibenarkan untuk memasukinya melainkan jika dia adalah pemegang pas keselamatan lapangan terbang;

"tanda lalulintas" termasuk semua isyarat, tanda amaran, tiang, tiang arah, tanda, garisan, lampu atau alat lain untuk panduan atau arahan orang-orang yang menggunakan aerodrom.

3. Undang-undang kecil ini boleh dikenakan —

Kawasan-kawasan yang boleh dikenakan.

(a) di dalam lingkungan Bangunan Terminal Penumpang, Bangunan Kargo Udara dan bangunan lain yang merupakan sebahagian dari Lapangan Terbang;

(b) di dalam lingkungan semua tempat letak kereta yang bersebelahan dengan bangunan Lapangan Terbang;

(c) di dalam lingkungan kawasan-kawasan di sekitar lampu pendaratan sama ada di hujung landasan dan jalan-jalan yang bersebelahan;

(d) juga di semua kawasan di dalam lingkungan sempadan Lapangan Terbang, terkecuali di dalam lingkungan kawasan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Pengkalan Udara Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei.

4. Pengarah boleh atas budibicaranya mengecualikan mana-mana orang atau mana-mana kenderaan dari undang-undang kecil ini.

Pengecualian.

5. Mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar atau gagal mematuhi sebarang undang-undang kecil ini atau gagal mematuhi sebarang syarat mana-mana permit kenderaan lapangan terbang atau pas keselamatan lapangan terbang yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah

Hukuman.

apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000.00 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN KENDERAAN DAN ORANG YANG BERADA DI DALAM LINGKUNGAN SEBELAH UDARA

Larangan ke atas kenderaan yang digunakan di sebelah udara.

6. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang kecil ini, tiada sesiapa pun boleh menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan untuk digunakan sesuatu kenderaan di dalam lingkungan sebelah udara melainkan jika ada berkuatkuasa bagi kenderaan itu suatu permit kenderaan lapangan terbang yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini.

Permohonan bagi suatu permit kenderaan lapangan terbang.

7. Permohonan bagi suatu permit kenderaan lapangan terbang berkaitan dengan mana-mana kenderaan dan pas keselamatan lapangan terbang hendaklah dibuat kepada Pengarah.

Pengeluaran permit kenderaan lapangan terbang.

8. Pesuruhjaya Polis adalah penguasa yang mengeluarkan permit-permit kenderaan lapangan terbang. Permit-permit kenderaan lapangan terbang hendaklah dikeluarkan atas sokongan Pengarah dan boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya Polis dan hendaklah menyatakan kawasan-kawasan Lapangan Terbang di mana kenderaan itu dibenarkan berada dan tempoh sahnya permit itu.

Pengeluaran pas keselamatan lapangan terbang.

9. Pesuruhjaya Polis adalah penguasa yang mengeluarkan pas-pas keselamatan lapangan terbang. Pas-pas keselamatan lapangan terbang hendaklah dikeluarkan atas sokongan Pengarah dan boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya Polis dan hendaklah menyatakan kawasan-kawasan Lapangan Terbang yang baginya pas keselamatan lapangan terbang itu sah.

Bayaran.

10. Suatu pas keselamatan lapangan terbang hendaklah berkuatkuasa bagi tempoh selama satu tahun atau tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya Polis. Bayaran yang berikut hendaklah kena dibayar bagi pengeluaran pas-pas keselamatan lapangan terbang yang baru dan pengantiannya —

(a) pas keselamatan lapangan terbang yang baru —

(i) \$10.00 bagi satu tahun; dan

(ii) \$15.00 bagi dua tahun;

(b) jika suatu pas keselamatan lapangan terbang rosak kerana haus dan lusuh yang sewajarnya penggantianannya boleh dikeluarkan setelah membayar bayaran sebanyak \$10.00;

(c) jika suatu pas keselamatan lapangan terbang hilang atau rosak kerana sebarang sebab selain dari kerana haus dan lusuh, penggantianannya boleh dikeluarkan setelah membayar bayaran sebanyak \$50.00.

11. Pesuruhjaya Polis boleh atas budibicaranya atau atas sokongan Pengarah mengeluarkan suatu permit kenderaan lapangan terbang sementara, suatu pas keselamatan lapangan terbang sementara atau suatu pas keselamatan lapangan terbang pelawat. Bagi pengeluaran suatu pas keselamatan lapangan terbang sementara atau suatu pas keselamatan lapangan terbang pelawat, seseorang itu mestilah menyerahkan kad pengenalan kebangsaan, pasport atau dokumen pengenalannya yang serupa.

Pengeluaran
permit dan pas
sementara.

12. Suatu pas keselamatan lapangan terbang pelawat akan dikeluarkan secara percuma. Walau bagaimanapun, bagi pengeluaran suatu pas keselamatan lapangan terbang sementara, bayaran yang berikut hendaklah dikenakan —

Bayaran.

(a) bayaran sebanyak \$10.00 hendaklah kena dibayar bagi tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan;

(b) jika suatu pas keselamatan lapangan terbang sementara rosak kerana haus dan lusuh yang sewajarnya, penggantianannya boleh dikeluarkan setelah membayar bayaran sebanyak \$10.00;

(c) jika suatu pas keselamatan lapangan terbang sementara hilang atau rosak kerana sebarang sebab selain dari kerana haus dan lusuh yang sewajarnya, penggantianannya boleh dikeluarkan setelah membayar bayaran sebanyak \$50.00.

13. Pesuruhjaya Polis boleh pada bila-bila masa atas budibicaranya membatalkan sebarang permit kenderaan lapangan terbang atau pas keselamatan lapangan terbang tanpa memberi sebarang sebab.

Pembatalan
permit dan pas.

14. Semua kenderaan yang dikendalikan di dalam lingkungan sebelah udara mestilah layak dipandu di jalan raya.

Layak dipandu
di jalan raya.

15. Semua kenderaan bantu dan penyenggaraan pesawat udara yang khusus mestilah dipasang dengan lampu isyarat berputar yang berwarna kuning jingga.

Kehendak bagi
kenderaan
khusus.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- | | |
|--|--|
| Kawasan sebelah udara dibenarkan bagi kenderaan dan orang yang diberi kuasa. | 16. Tiada sesiapa pun boleh memandu atau berada dalam sesuatu kenderaan di dalam lingkungan sebelah udara kecuali di kawasan-kawasan di mana pas keselamatan lapangan terbangnya dan juga permit kenderaan lapangan terbang adalah sah. |
| Gangguan yang menyalahi undang-undang terhadap pesawat udara. | 17. Tiada sesiapa pun boleh mengganggu mana-mana pesawat udara atau mana-mana barang yang digunakan berhubung dengan mana-mana pesawat udara tanpa kebenaran yang sah atau sebab atau alasan yang munasabah. |
| Memanjat atau memasuki pesawat udara yang menyalahi undang-undang. | 18. Tiada sesiapa pun boleh memasuki atau memanjat, atau cuba memasuki atau memanjat, mana-mana bahagian dari mana-mana pesawat udara tanpa kebenaran orang yang menjaganya ataupun sebaliknya tanpa kebenaran yang sah atau sebab atau alasan yang munasabah. |
| Memasuki kenderaan bantu dan kelengkapan pesawat udara yang menyalahi undang-undang. | 19. Tiada sesiapa pun boleh memasuki atau menaiki atau cuba memasuki atau menaiki sebarang kenderaan, trak, troli atau tangga pesawat udara atau mengusik mana-mana bahagian mekanismenya tanpa kebenaran yang sah atau sebab atau alasan yang munasabah. |

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN KENDERAAN DAN ORANG DI KAWASAN PERGERAKAN

- | | |
|------------------------------|--|
| Had laju. | 20. Tiada sesiapa pun boleh memandu sesuatu kenderaan pada kelajuan yang melebihi dari 25 kilometer sejam di suatu kawasan pergerakan. |
| Mematuhi arahan lalulintas. | 21. Pemandu setiap kenderaan di kawasan pergerakan hendaklah mematuhi sebarang arahan atau arahan lisan yang diberikan oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang pada masa itu terlibat dalam mengawalselia lalulintas di kawasan pergerakan. |
| Hak lalu bagi pesawat udara. | 22. Setiap kenderaan di kawasan pergerakan hendaklah memberi laluan kepada sesebuah pesawat udara pada setiap masa dan hendaklah memberi pelepasan maksimum kepada pesawat udara itu. |
| Kerosakan kenderaan. | 23. Orang yang menjaga sesuatu kenderaan hendaklah tidak meninggalkan kenderaan itu terbiar di kawasan pergerakan dan sekiranya berlaku kerosakan, dia hendaklah dengan segera memberitahu Pengawal Menara Yang Bertugas dan majikannya bagi menguruskan pemindahan kenderaannya dengan segera. Orang yang menjaga kenderaan itu hendaklah memastikan supaya pesawat udara atau kenderaan lain tidak dihalang oleh kenderaan yang rosak itu. |

- | | |
|---|---|
| 24. Pemandu sesuatu kenderaan yang berhasrat hendak pergi ke mana-mana bahagian kawasan pergerakan selain dari <i>apron</i> hendaklah mendapatkan pelepasan terlebih dahulu daripada Pengawal Menara Yang Bertugas sebelum pergi ke tempat tujuannya. | Kebenaran untuk pergi. |
| 25. Setiap kenderaan yang pada saat memasuki kawasan olahgerak hendaklah berhenti di tempat masuk ke kawasan olahgerak dan pemandunya hendaklah terlebih dahulu memastikan bahawa tidak ada pergerakan pesawat udara sebelum pergi ke kawasan olahgerak. | Kawasan olahgerak. |
| 26. Pemandu sesuatu kenderaan hendaklah tidak memotong dan mendahului sebarang kenderaan lain yang pergi dalam haluan yang sama di kawasan pergerakan. | Memotong adalah dilarang. |
| 27. Tiada sesiapa pun boleh meletak sesuatu kenderaan di atau berdekatan dengan kawasan pergerakan atau di atas suatu laluan lalulintas untuk kenderaan selain dari di kawasan-kawasan yang dibenarkan untuk tujuan tersebut. | Meletak kenderaan. |
| 28. Pemandu setiap kenderaan di kawasan pergerakan hendaklah menyebabkan supaya kenderaannya dipandu perlahan apabila menghampiri sesebuah pesawat udara yang sedang menurunkan atau mengambil penumpang-penumpang. | Kenderaan hendaklah dipandu perlahan. |
| 29. Pemandu setiap kenderaan di kawasan pergerakan hendaklah memberi laluan bebas dan tanpa gangguan kepada setiap penumpang pesawat udara yang berada di kawasan pergerakan dan setiap penumpang itu hendaklah mendapat keutamaan dari semua lalulintas untuk kenderaan. | Hak untuk lalu bagi penumpang-penumpang. |
| 30. Pemandu sesuatu kenderaan di kawasan pergerakan yang menghampiri sesebuah pesawat udara hendaklah menyebabkan supaya kenderaan itu menghampiri pesawat udara tersebut pada suatu sudut dan sentiasa berada di sebelah kanan pesawat udara tersebut bagi mengelakkan perlanggaran sekiranya brek kenderaannya tidak berfungsi. | Menghampiri pesawat udara. |
| 31. Tiada pemandu sebarang kenderaan di kawasan pergerakan boleh berhenti atau menghentikan kenderaan tersebut di bawah sayap, ekor atau badan sesebuah pesawat udara. | Berhenti di bawah sayap, dsb., pesawat udara. |
| 32. Tiada pemandu sebarang kenderaan di kawasan pergerakan boleh menghidupkan kenderaan tersebut apabila berada di dalam lingkungan 15 meter dari sesebuah pesawat udara yang sedang diisikan minyak. | Mengisikan minyak pesawat udara. |

- | | |
|--|---|
| Kenderaan tidak boleh berundur. | 33. Pemandu sesuatu kenderaan di kawasan pergerakan hendaklah tidak menyebabkan supaya kenderaan tersebut berundur ke sesebuah pesawat udara kecuali apabila kenderaan tersebut digunakan bagi tujuan menservis pesawat udara itu atau kenderaan tersebut diarahkan untuk berbuat demikian oleh <i>marshaller</i> . |
| Larangan menghampiri pesawat udara. | 34. Tiada kenderaan boleh menghampiri sesebuah pesawat udara yang enjinnya hidup. |
| Jarak dari pesawat udara. | 35. Setiap kenderaan di kawasan pergerakan hendaklah sentiasa berada pada jarak yang selamat sekurang-kurangnya 5 meter dari hujung sayap sesebuah pesawat udara yang tidak bergerak. Jika bergerak selari dengan pesawat udara yang sedang bergerak perlahan-lahan, kenderaan itu hendaklah mengekalkan jarak yang selamat sekurang-kurangnya 40 meter dari tepi <i>taxiway</i> . |
| Kenderaan di atas landasan dan <i>taxiway</i> . | 36. Pemandu setiap kenderaan yang pergi di sepanjang landasan atau <i>taxiway</i> hendaklah setakat mana yang boleh dilaksanakan sentiasa memandu kenderaan itu pada sebelah kanan landasan atau <i>taxiway</i> . |
| Kenderaan yang dilengkapi dengan radio dua hala. | 37. Tiada sesiapa pun yang menjaga sesuatu kenderaan boleh membenarkannya berada di atas landasan atau <i>taxiway</i> melainkan jika kenderaan itu dilengkapi dengan radio yang boleh menerima dan menghantar pada frekuensi yang ditetapkan untuk perhubungan dengan Menara Kawalan. Kebenaran awal mestilah diperolehi daripada Menara Kawalan bagi memasuki kawasan-kawasan ini. |
| Kenderaan yang tidak dilengkapi dengan radio dua hala. | 38. Sesuatu kenderaan yang tidak dilengkapi dengan sistem perhubungan radio dua hala hendaklah tidak dibenarkan berada di atas landasan atau <i>taxiway</i> tetapi sekiranya kenderaan itu dibenarkan berada di mana-mana kawasan ini, pergerakan kenderaan itu hendaklah dikawal pada setiap masa dengan menggunakan isyarat-isyarat lampu yang berikut — <div style="margin-left: 40px;"> <p>(a) lampu hijau berterusan yang dihalakan ke kenderaan yang berada di atas atau menghampiri landasan atau <i>taxiway</i> hendaklah membenarkan pergerakan di atas landasan atau <i>taxiway</i>;</p> <p>(b) lampu merah berterusan yang dihalakan ke kenderaan yang berada di atas atau menghampiri landasan atau <i>taxiway</i> menunjukkan bahawa sebarang pergerakan di atas landasan atau <i>taxiway</i> adalah dilarang sementara dan kenderaan itu hendaklah berhenti dengan serta-merta.</p> <p>(c) lampu merah berkelip-kelip menunjukkan bahawa kenderaan itu mestilah dipandu tidak mendekati landasan atau <i>taxiway</i> dengan serta-merta;</p> </div> |

(d) lampu hijau berkelip-kelip menunjukkan bahawa kenderaan yang telah diarahkan supaya tidak mendekati landasan atau taxiway boleh kembali ke landasan atau taxiway; dan

(e) lampu putih berkelip-kelip menunjukkan bahawa kenderaan itu mesti kembali dengan segera ke tempat bermulanya.

- | | |
|--|---|
| 39. Tiada sesiapa pun atau kenderaan boleh melintasi kawasan pergerakan di hadapan laluan pesawat udara yang sedang bergerak perlahan-lahan atau pesawat udara yang sedang ditunda. | Melintasi kawasan pergerakan. |
| 40. Tiap-tiap orang selain daripada anggota kakitangan penyenggaraan yang bekerja di atas sesebuah pesawat udara hendaklah jangan mendekati enjin pesawat udara itu dan hendaklah tidak lalu dalam lingkungan 8 meter dari bahagian pengambilan udara atau dalam lingkungan 80 meter dari belakang enjin jet yang hidup. | Jangan mendekati enjin jet. |
| 41. Mana-mana pelawat yang berhasrat hendak pergi ke <i>apron</i> , landasan atau taxiway hendaklah terlebih dahulu mendapatkan pelepasan daripada Pengawal Menara Yang Bertugas. | Pelawat yang pergi ke kawasan olahgerak. |
| 42. Orang yang menjaga sebarang kelengkapan atau kenderaan hendaklah memindahkan kelengkapan atau kenderaan itu dari petak letak dan ruang letak lain yang berkaitan sejurus selepas pesawat udara yang mereka servis itu bergerak keluar perlahan-lahan. | Pemindahan kelengkapan dan kenderaan. |
| 43. Tiada sesiapa pun boleh meninggalkan sebarang kotoran atau sampah di atas <i>apron</i> . | Dilarang membuang sampah. |
| 44. Tiap-tiap orang yang terlibat dalam kerja menservis sesebuah pesawat udara hendaklah memeriksa petak letak sejurus selepas pesawat udara itu diservis bagi memastikan supaya objek-objek atau benda-benda asing tidak tertinggal di atas petak letak. | Objek-objek atau benda-benda asing di atas petak letak. |
| 45. Tiada sesiapa pun boleh meninggalkan atau melonggokkan sebarang bahan atau barang asing di atas permukaan kawasan pergerakan. | Tiada bahan asing di atas permukaan kawasan pergerakan. |
| 46. Tiada sesiapa pun boleh merokok ketika berada di mana-mana bahagian kawasan pergerakan atau di <i>hangar</i> . | Dilarang merokok. |

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN KENDERAAN DAN
ORANG DI KAWASAN BANGUNAN KARGO UDARA

Masuk dan keluar.	47. Tiada sesiapa pun atau kenderaan boleh memasuki atau meninggalkan kawasan Bangunan Kargo Udara kecuali melalui pintu masuk atau keluar yang ditetapkan oleh Pengarah.
Mematuhi arahan lalulintas.	48. Pemandu setiap kenderaan di Bangunan Kargo Udara hendaklah mematuhi sebarang arahan atau arahan lisan yang diberikan oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa.
Sekatan mengenai muatan.	49. Setiap kenderaan dan semua alat dan aksesori kenderaan itu hendaklah pada setiap masa berada dalam keadaan dan jumlah penumpang yang dibawa oleh kenderaan itu, cara bagaimana mana-mana penumpang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu, dan berat, pembahagian, pembungkusan dan penyelarasan muatan kenderaan itu hendaklah pada setiap masa sebegitu rupa sehingga tiada bahaya berlaku atau mungkin berlaku kepada mana-mana orang di dalam atau di atas kenderaan itu atau di atas jalan di dalam lingkungan Bangunan Kargo Udara.
Mengikat muatan.	50. Muatan yang dibawa oleh sesuatu kenderaan hendaklah pada setiap masa diikat atau berada dalam kedudukan yang tidak mungkin mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang kerana muatan atau mana-mana bahagiannya terjatuh dari kenderaan itu atau kerana sebarang pergerakan lain muatan atau mana-mana bahagiannya berhubung dengan kenderaan itu.
Langkah berjaga-jaga bagi muatan yang mengunjur dari kenderaan.	51. Jika muatan yang dibawa oleh sesuatu kenderaan mengunjur dari belakang melebihi 2 meter melimpasi badan kenderaan itu bendera merah yang bersih berukuran 300 milimeter persegi hendaklah ditunjukkan terbentang pada suatu tempat tidak melebihi 0.3 meter dari hujung unjuran di belakang muatan supaya jelas dilihat dari belakang kenderaan itu pada waktu siang.
Sekatan bagi muatan di atas kenderaan.	52. Kecuali dengan kebenaran Pengarah, tiada bahagian muatan atau sebarang penutup muatan itu di atas sesuatu kenderaan boleh — (a) meleret di sepanjang jalan; (b) menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya atau halangan atau gangguan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang lainnya; (c) mengunjur di hadapan kenderaan itu; atau

{d} mengunjur ke sisi melimpasi badan atau roda kenderaan itu atau sebarang kelengkapan yang dibenarkan yang dipasang kekal pada kenderaan itu.

53. Tiada sesiapa pun boleh meninggalkan sebarang kotoran atau sampah di Bangunan Kargo Udara dan sekitarnya.

Dilarang membuang sampah.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN ORANG DAN KENDERAAN DI LAPANGAN TERBANG

54. Tiada sesiapa pun boleh mengganggu, atau menyalahgunakan, atau cuba mengganggu, atau menyalahgunakan, sebarang lif, eskalator, pengangkut bagasi, jambatan udara, atau sebarang alat mekanikal, elektrik atau elektronik tanpa kebenaran yang sah atau sebab atau alasan yang munasabah.

Gangguan atau menyalahgunakan kelengkapan dan alat.

55. Tiada sesiapa pun boleh, kecuali sekiranya berlaku kecemasan, dengan sengaja mengendalikan, atau cuba mengendalikan, sebarang suis atau tuil sebarang eskalator, lif atau sebarang pembawa automatik yang lain bagi penumpang-penumpang, barang-barang atau bagasi.

Pengendalian pembawa automatik tanpa kebenaran.

56. Tiada sesiapa pun boleh menganjurkan atau mengambil bahagian dalam sebarang tunjuk perasaan, perarakan atau perhimpunan awam yang mungkin menghalang atau mengganggu penggunaan yang sewajarnya Lapangan Terbang atau menghalang atau mengganggu keselesaan dan kemudahan atau keselamatan penumpang-penumpang atau orang-orang yang menggunakan Lapangan Terbang.

Perhimpunan haram.

57. Tiada sesiapa pun boleh menunjukkan sebarang bendera, sepanduk atau lambang yang mungkin menyebabkan keadaan tidak aman di Lapangan Terbang.

Keadaan tidak aman.

58. Tiada sesiapa pun boleh melonggokkan atau meninggalkan kotoran atau sampah di Lapangan Terbang kecuali di dalam atau pada bekas yang disediakan.

Dilarang membuang sampah.

59. Tiada sesiapa pun boleh menampalkan bil, poster atau pelekat pada sebarang dinding, struktur atau lantai Bangunan Terminal Penumpang atau mana-mana bahagian Lapangan Terbang.

Melekatkan poster, dsb.

60. Tiada sesiapa pun boleh berada di dalam lingkungan Lapangan Terbang, setelah diminta oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa atau oleh seseorang pegawai polis untuk meninggalkannya.

Meninggalkan Lapangan Terbang.

Alat audio visual.	61. Tiada sesiapa pun boleh mendirikan atau menggunakan sebarang alat untuk pemancaran atau penguatan bunyi, ucapan atau gambar tanpa kebenaran daripada Pengarah.
Jualan dan perkhidmatan.	62. Tiada sesiapa pun boleh menjual atau mengagihkan apa-apa jua, menawarkan apa-apa jua untuk jualan atau sewa atau membuat sebarang tawaran perkhidmatan, tanpa mendapatkan suatu permit atau lesen untuk berbuat demikian daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan tanpa kebenaran Pengarah, di dalam lingkungan sempadan Lapangan Terbang.
Iklan.	63. Tiada sesiapa pun boleh mengagihkan atau menunjukkan papan tanda, iklan, surat keliling atau bahan bercetak atau bertulis lain tanpa kebenaran daripada Pengarah.
Kawasan tidak dibenarkan menunggu.	64. Tiada sesiapa pun boleh menyebabkan atau membenarkan sesuatu kenderaan untuk menunggu di kawasan tidak dibenarkan menunggu.
Tempat meletak teksi.	65. Teksi hendaklah diletakkan di kawasan pengambilan teksi.
Penumpang-penumpang diambil oleh teksi.	66. Tiada teksi boleh mengambil seseorang penumpang di hadapan Bangunan Terminal Penumpang kecuali dari kawasan pengambilan teksi.
Kawasan pengambilan teksi.	67. Tiada kenderaan selain dari teksi boleh diletakkan di kawasan pengambilan teksi.
Tempat letak kereta.	68. Kenderaan-kenderaan selain dari teksi hendaklah diletakkan di tempat-tempat letak kereta yang ditetapkan dengan sebegitu rupa sehingga tidak menyebabkan halangan.
Pemindahan kenderaan yang diletakkan dengan menyalahi undang-undang.	69. Jika sebarang kenderaan diletakkan dengan menyalahi undang-undang di mana-mana tempat di Lapangan Terbang, Pengarah atau Pesuruhjaya Polis boleh menyebabkan kenderaan itu dipindahkan dan pemilik atau pemandunya hendaklah membayar kos atau bayaran bagi pemindahan kenderaan itu.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN RAMPAIAN

Tanda lalulintas.	70. Pengarah boleh menyebabkan atau membenarkan supaya tanda lalulintas diletakkan atau didirikan di kawasan pergerakan, mana-mana jalan atau di mana-mana tempat di dalam aerodrom.
-------------------	--

71. Pengarah boleh menetapkan mana-mana bahagian Lapangan Terbang sebagai tempat meletak kenderaan dan boleh mengenakan syarat-syarat dan bayaran sebagaimana yang dianggapnya patut. Tiada sesiapa pun yang meletakkan sesuatu kenderaan di tempat letak kereta boleh mempertanggungjawabkan Pengarah kerana sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada kenderaan itu atau kandungannya, semasa meletakkan di tempat letak kereta itu.
- Tempat letak kereta.
72. Tiada sesiapa pun boleh meletakkan sesuatu kenderaan atau menyebabkan atau membenarkan sesuatu kenderaan berhenti di mana-mana tempat di Lapangan Terbang dalam sebarang kedudukan atau dalam sebarang keadaan atau sebarang hal yang mungkin menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan yang tidak sewajarnya kepada pengguna-pengguna lain Lapangan Terbang atau lalu lintas di dalam lingkungan Lapangan Terbang.
- Kenderaan yang menyebabkan halangan, dsb.
73. Tiap-tiap orang yang berada di bangunan Lapangan Terbang hendaklah mematuhi arahan yang sah yang diberikan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa.
- Kewajipan untuk mematuhi arahan yang sah.
74. Tiada sesiapa pun boleh merokok atau membawa api tidak bertutup ke dalam atau menyalakan sebarang api tidak bertutup di sebarang tempat Lapangan Terbang di mana perbuatan seperti itu adalah dilarang dengan notis.
- Dilarang merokok.
75. Tiada sesiapa pun boleh mengendalikan atau menggunakan sebarang alat pemancar radio atau alat lain yang dapat memancarkan gangguan elektrik, dengan sebegitu rupa sehingga menjejaskan, atau mungkin menjejaskan, pengendalian sebarang sistem perhubungan atau perjalanan udara di Lapangan Terbang.
- Pemancaran isyarat radio atau elektrikal.
76. Tiada sesiapa pun boleh membiarkan sebarang kenderaan, binatang atau barang berada di Lapangan Terbang atau mana-mana bahagiannya setelah kehadirannya di Lapangan Terbang dilarang oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa atau seseorang pegawai polis.
- Kenderaan binatang, dsb., yang dilarang.
77. Tiada sesiapa pun boleh menghalang atau mengganggu dengan sengaja penggunaan yang sewajarnya Lapangan Terbang atau mana-mana orang yang bertindak dalam melaksanakan kewajibannya berhubung dengan pengendalian Lapangan Terbang, termasuk pembawaan penumpang-penumpang, bagasi dan barang-barang lain mereka, dan penyenggaraan dan penservisan Lapangan Terbang atau kenderaan atau pesawat udara di atasnya.
- Mengganggu pengendalian lapangan terbang.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1420
bersamaan dengan 19 haribulan Ogos, 1999.

AWANG HAJI KASIM BIN HAJI LATIP
Pengarah Penerbangan Awam,
Negara Brunei Darussalam.